



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BELANJAWAN 2026: MEMPERKUKUH SISTEM KESIHATAN, MENINGKATKAN MANFAAT UNTUK RAKYAT

Putrajaya, 10 Oktober 2025 — Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang terus memberikan keutamaan kepada sektor kesihatan dalam Belanjawan 2026. Ini terbukti apabila KKM menerima **peruntukan sebanyak RM46.52 bilion** dengan **peningkatan sebanyak RM1.25 bilion atau 2.76%** berbanding tahun 2025 sebanyak RM45.27 bilion.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM39.78 bilion** diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus dengan peningkatan sebanyak **RM1.24 bilion** atau **3.22%** berbanding **RM38.53 bilion** pada tahun 2025. Manakala sebanyak **RM6.745 bilion** diperuntukkan bagi Perbelanjaan Pembangunan dengan peningkatan sebanyak **RM7,000,000.00** atau **0.1%** berbanding **RM6.738 bilion** pada tahun 2025. Peningkatan ini adalah sebagai kick-start kepada Rolling Plan (RP) 1 Rancangan Malaysia (RMK) Ke-13 dan KKM akan terus fokus dalam memastikan fasiliti kesihatan sedia ada beroperasi pada tahap optimum, melaksanakan naik taraf hospital dan klinik, serta memulakan pelbagai projek baharu yang memberi manfaat terus kepada rakyat di seluruh negara.

Secara keseluruhan, peruntukan KKM ini mewakili **11.04%** daripada Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2026 yang berjumlah **RM421.2 bilion**. Peruntukan Belanjawan 2026 ini akan membolehkan KKM meneruskan pelaksanaan agenda reformasi kesihatan secara menyeluruh, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk memastikan setiap rakyat

menikmati kualiti penjagaan kesihatan terbaik serta akses rawatan yang inklusif dan saksama.

Melalui pengumuman Belanjawan 2026, Kerajaan melalui KKM antara lain akan memberikan tumpuan kepada:

1. Mempertingkatkan Kebajikan Petugas Kesihatan

Seramai 4,500 doktor kontrak dan 935 jururawat akan ditawarkan jawatan tetap pada tahun hadapan. Bagi menghargai komitmen petugas kesihatan di KKM, Kerajaan bersetuju untuk menaikkan Kadar Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) sehingga 40 peratus berkuat kuasa 1 Oktober 2025 dengan peruntukan berjumlah RM120 juta setahun.

Tanpa meminggirkan kebajikan Pengamal Perubatan Swasta, Kerajaan bersetuju untuk menetapkan semula kadar fi perundingan antara RM10 sehingga RM80.

Kerajaan juga menyediakan hampir RM2.2 bilion ringgit bagi membina, menyelenggara dan membaiki kuarters untuk penjawat awam termasuk doktor, jururawat, tentera, polis, guru, bomba dan penjara.

2. Mempertingkat Mutu Prasarana Kesihatan Awam

Kerajaan bersetuju untuk:

- i. Memperuntukkan sebanyak RM1.2 bilion bagi kerja penyelenggaraan dan baik pulih hospital serta klinik di seluruh negara;
- ii. Menaik taraf wad-wad hospital daerah seluruh negara dengan peruntukan RM100 juta; dan
- iii. Mengganti peralatan perubatan lapuk dan memperoleh peralatan canggih untuk disiplin baharu dengan peruntukan sebanyak RM755 juta.

3. Meleraikan Isu Kesesakan di Hospital Awam

Kerajaan bersetuju untuk:

- i. Memperuntukkan sebanyak RM140 juta bagi meneruskan kerjasama penyumberluaran pesakit ke hospital tentera, universiti dan swasta;
- ii. Memperkasa peranan klinik kesihatan dengan menyediakan perkhidmatan pakar kepada komuniti melalui peruntukan RM30 juta; dan
- iii. Membina fasiliti baharu termasuk Pusat Kanser Wilayah Utara di Kedah dan Pusat Jantung Sabah.

4. Menangani Isu Kenaikan Inflasi Perubatan

Sebanyak RM60 juta dana bersama Kerajaan dan industri disediakan bagi memperkenalkan produk insurans asas mampu milik dan melaksanakan Diagnosis Related Group (DRG). Skim mySalam diteruskan untuk membantu rakyat berpendapatan rendah, dan pencarum KWSP boleh menggunakan simpanan Akaun Sejahtera untuk melanggan plan asas insurans kesihatan.

5. Memperkasa Agenda Nasional Malaysia Sihat

Kerajaan bersetuju untuk:

- i. Menaikkan kadar duti eksais ke atas produk rokok mulai 1 November 2025;
- ii. Melanjutkan tempoh pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas produk terapi gantian nikotin serta diperluaskan kepada nicotine mist dan nicotine lozenges sehingga 31 Disember 2027;
- iii. Menaikkan kadar duti eksais bagi produk minuman keras sebanyak 10 peratus mulai 1 November 2025
- iv. Pelepasan cukai pendapatan individu untuk perbelanjaan vaksinasi turut diperluas kepada semua jenis vaksin yang berdaftar dan diluluskan oleh KKM.

Hasil tambahan daripada duti eksais ke atas produk rokok dan minuman keras akan diagihkan kepada KKM untuk Inisiatif Kesihatan Paru-Paru, rawatan diabetes dan penyakit jantung.

KKM kekal komited untuk melaksanakan amanah yang diberikan Kerajaan MADANI dengan penuh tanggungjawab, bagi memastikan rakyat Malaysia terus menikmati sistem kesihatan yang berkualiti, adil dan menyeluruh. Ke arah ini, KKM sentiasa memberi perhatian terhadap soal aksesibiliti setiap lapisan masyarakat dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang terbaik selaras dengan matlamat Kerajaan MADANI untuk memperkasa rakyat melalui kesihatan dan kesejahteraan.

— TAMAT —

Dikeluarkan oleh:

YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

